

KUALITI

JULAI - DISEMBER 2025

AUDIT PENSIJILAN SEMULA ISO 9001:2015

Skop Audit: Pengurusan Korporat Universiti Awam

MAJLIS KEMUNCAK BULAN INOVASI DAN KUALITI 2025

Ledakan Kreativiti

1ST VIRTUAL INTERNATIONAL CONFERENCE ON QUALITY AND INNOVATION IN HIGHER EDUCATION (ViQHE)

*Enhancing Quality and Innovation for a
Sustainable Higher Education Ecosystem*



eISSN 2976-2596



9772976259003

INSTITUT KUALITI DAN PENGEMBANGAN ILMU (InQKA)

PENILAIAN PEMBENTANGAN AKHIR KECEMERLANGAN OPERASI (OE2024) UiTM

Disediakan oleh : Mariani Ali

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah menganjurkan Penilaian Pembentangan Akhir Kecemerlangan Operasi (OE2024) UiTM pada 25 Jun 2025 secara dalam talian menggunakan pelantar Zoom. Program ini dilaksanakan untuk mencapai objektif berikut :

- Berkongsi penambahbaikan proses kerja yang telah dilaksanakan di setiap Pusat Tanggungjawab (PTj) yang terlibat.
- Menghargai penglibatan PTj dalam pelaksanaan Kecemerlangan Operasi.
- Berkongsi pengalaman PTj di samping sebagai platform bagi menggalakkan PTj melaksanakan penambahbaikan proses kerja.
- Melaksanakan penilaian ke atas penambahbaikan proses kerja yang telah didaftarkan ke dalam sistem *Online Process Improvement Register* (OPIR) dengan lebih tepat.



InQKA telah melaksanakan proses penilaian dan pemarkahan bagi penambahbaikan proses kerja yang direkodkan di dalam sistem (OPIR) pada 24 April 2025 hingga 9 Mei 2025 oleh 10 orang panel penilai yang dilantik dari pelbagai bidang dan kepakaran. 20 proses kerja berkecemerlangan telah dipilih untuk ke peringkat penilaian Pembentangan Akhir Kecemerlangan Operasi (OE2024) UiTM.



Sebanyak 20 kumpulan finalis telah mempersembahkan inisiatif penambahbaikan yang menonjolkan kreativiti, kecekapan dan pemikiran inovatif warga UiTM. Proses kerja yang dibentangkan merangkumi pembangunan sistem digital, penambahbaikan proses pentadbiran, serta pengoptimuman penyampaian perkhidmatan yang memberi impak langsung kepada keberkesanan operasi universiti. Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan dalaman, malah memperkukuh pengalaman pengguna serta menyokong agenda transformasi digital UiTM secara menyeluruh.

Diharapkan pembentangan ini dapat memberikan gambaran yang lebih tepat hasil penambahbaikan proses kerja yang telah dilaksanakan. Melalui pembentangan ini juga, panel penilai akan dapat melihat dengan lebih mendalam kaedah penambahbaikan proses kerja yang digunakan, hasil yang diperolehi dan impak yang lebih jelas. Panel penilai boleh menggunakan peluang ini untuk mengkaji ketepatan maklumat dan fakta yang disampaikan serta bertanya soalan secara terus dengan pihak PTj. Ini amat penting terutamanya jika melibatkan implikasi penjimatan kewangan dan sumber yang pastinya memberi kesan terhadap pengurusan universiti secara keseluruhan.

Yang YBrs. Prof. Dr. Haslinda Yusoff, Penolong Naib Canselor InQKA dalam ucapan aluan telah merakamkan penghargaan kepada semua warga UiTM dan menekankan kepentingan budaya inovasi dan penambahbaikan berterusan sebagai teras kecemerlangan organisasi.



Penglibatan ketua jabatan dalam pelaksanaan penambahbaikan proses kerja memperlihatkan kecenderungan PTj untuk bersama-sama memantapkan pengurusan akademik, pentadbiran mahupun kewangan. Walaupun setiap PTj telah dibuat ketetapan untuk melaksanakan Kecemerlangan Operasi sebagai petunjuk prestasi, pelaksanaan penambahbaikan secara konsisten dan berterusan amat penting dan merupakan petunjuk amalan kualiti yang terbaik. Begitu juga kepada PTj yang tidak dapat ke peringkat seterusnya, platform pembentangan akhir ini boleh digunakan untuk menilai semula penambahbaikan proses kerja yang telah dijalankan dan kenal pasti amalan terbaik dalam mengurus pelaksanaan Kecemerlangan Operasi di PTj.

HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

2026 KUALITI

ALAMAT:

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Blok A, Kompleks Al-Farabi,
Universiti Teknologi MARA, Jalan Ilmu 1/1,
40450, Shah Alam, Selangor

e-ISSN: 2976-2596



UiTM *di hati*  لومها تقوى موليا